

# Sasar jadi negeri pengeksport beras

SHAHRUL QAIZAT

**SIMUNJAN:** Kerajaan Sarawak menyasarkan untuk menjadi negeri pengeksport beras dalam masa tiga tahun dengan pengeluaran dianggarkan 400,000 tan dalam tempoh 24 bulan.

Premier Sarawak Datuk Pa-

tinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, berdasarkan hasil kajian dilaksanakan Universiti Putra Malaysia (UPM), kawasan penanaman padi di Gedong, Simunjan, Lundu, Banting dan Lingga mampu mengeluarkan beras sekali ganda lebih banyak daripada jumlah yang diimport ketika ini.

Malah, beliau juga percaya



**SESI FOTOGRAFI...** Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg bersama tetamu kehormat yang lain merakam kenangan pada program Jalinan Kasih Tani Beranyi Bersama Premier di Kampung Lubok Punggor.

ia mampu mengelakkan Malaysia daripada terkesan dengan harga beras import susulan turun naik mata wang asing.

"Saya ada memberitahu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu kalau kita bangunkan (jelapang padi) di sini.

"Kita boleh menjadi negeri

pengeksport beras. Kalau kita sudah ada pasaran, bermakna pendapatan masyarakat bertambah.

"Antara faktor membuatkan harga beras mahal ialah kita mengimport dari luar negara khususnya India dan Vietnam, jadi kita menggunakan mata wang Amerika Syarikat (AS). "Apabila kita mengeluarkan beras sendiri, kita boleh mengawal harga lantai apabila tidak bergantung kepada mata wang asing lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Jalinan Kasih Tani Beranyi Bersama Premier di Kampung Lubok Punggor di sini, semalam.

Dalam pada itu, Abang Johari juga berkata, kerajaan Sarawak menyediakan peruntukan besar untuk membina sistem tali air di semua kawasan yang akan dijadikan jelapang padi ini.

"Untuk kawasan Lubok Punggor ini saja, sejumlah RM30 juta kita sudah luluskan untuk membina tali air," katanya.

Dengan kejayaan projek rintis AgriHub@Gedong yang sedang dijalankan di Lubok Punggor turut diperluaskan ke kawasan lain di seluruh negeri ini secara berperingkat.

"Kalau ini berjaya dan saya rasa berjaya, kita akan mengambil kaedah ini sebagai yang akan diguna pakai di kawasan lain.